

Penduduk Lembah Klang bakal berdepan catuan air selama 161 hari lagi

# Catuan air tetap diteruskan

Oleh NORHAYATI YAHAYA  
norhayati.yahaya@kosmo.com.my

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri Selangor menegaskan catuan bekalan air di Lembah Klang sejak 27 Februari lalu akan diteruskan sebagai persediaan menghadapi musim kering yang dijangka bermula Mei ini sehingga September depan.

Ini bermakna kira-kira 6.7 juta penduduk Lembah Klang bakal berdepan catuan bekalan air untuk selama 161 hari lagi selepas telah pun sengsara selama 55 hari akibat catuan bekalan air.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, keputusan itu turut mengambil kira keadaan bekalan air di Empangan Sungai Selangor, Kuala Kubu Bharu ketika ini yang masih di bawah paras kritikal.

Beliau berkata, paras simpanan air mentah di empangan berkenaan ketika ini ialah 89.29 juta meter padu atau 38.82 peratus berbanding 235.32 juta meter padu jika empangan penuh 100 peratus.

Katanya, bekalan air berkenaan hanya mampu bertahan selama 29 hari jika catuan sedia ada dihentikan.

"Kita perlu teruskan catuan kerana mahu naikkan paras simpanan air mentah di Empangan Sungai Selangor yang membekalkan 60 peratus keperluan air Lembah Klang.

"Ia juga sebagai persediaan menghadapi musim kering yang



PARAS air di Empangan Sungai Selangor, Kuala Kubu Bharu minggu lalu.

KIRI: Seorang penduduk Selangor, Norya Salleh terpaksa menapis air hujan yang ditadah dalam tong plastik di kediamannya di Desa Coalfields, Sungai Buloh semalam.



dijangka lebih teruk pada bulan Mei hingga akhir September tahun ini.

"Kita juga mahu pastikan bekalan air dapat bertahan selama enam bulan agar ketika Ramadan

dan sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti, rakyat dapat disalurkan air dengan secukupnya," katanya pada sidang akhbar selepas program Jom Baca Selama 10 Minit di Perpustakaan Raja Tun Uda di Seksyen 13 di sini semalam.

Kenyataan terbaharu Khalid itu pasti mencetuskan kemarahan rakyat memandangkan kira-kira 6.7 juta pengguna di Lembah Klang sudah pun berdepan dengan catuan bekalan air sejak 27 Februari lalu.

Rata-rata rakyat beranggapan tindakan catuan bekalan air itu memang tidak masuk akal jika diteruskan memandangkan sebahagian besar kawasan di Lembah

Klang menerima hujan lebat hampir setiap hari.

Abdul Khalid berkata, pihaknya bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dengan kerjasama Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KKSB) kini giat meneroka kolam-kolam bekas lombong di Empangan Sungai Selangor bagi tujuan mengepam air mentah.

Katanya, LUAS dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) turut mengepam air sungai hasil hujan lebat di hilir untuk ditakungkan ke kolam-kolam sekitar Sungai Selangor untuk digunakan pada musim kering nanti.

"Kerajaan negeri juga sedang

mengkaji untuk meneroka air bawah tanah yang berpotensi menghasilkan air mentah antara 300 hingga 400 juta liter sehari (JLH)," katanya.

Beliau menambah, LUAS juga telah diarahkan untuk menghubungi kerajaan Thailand untuk menggunakan teknologi pembenihan awan yang dikenali sebagai *The Royal Rainmaking Technology* untuk mendapatkan hujan sekurang-kurangnya tiga kali seminggu.

"Sekiranya program yang dirancang ini berjaya, kita akan umumkan sama ada mahu henti atau teruskan catuan yang sepatutnya dihentikan pada 30 April ini pada Jumaat depan," ujarnya.